

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(III)1

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB MUHAMAD BIN KASIM**

1. Perbincangan demi perbincangan berkaitan lampu trafik yang diperlukan di Simpang 3 Air Putih, pihak JKR telah menyatakan pelaksanaan adalah oleh pihak pemaju namun sampai bilakah perkara ini akan dilaksanakan?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

1. Jabatan Kerja Raya Negeri Pulau Pinang (JKRPP) telah meluluskan Pelan Jalan dan Parit yang dikemukakan oleh pihak pemaju, Eden at Botanica CT Sdn. Bhd. pada 21 Februari 2024. Kerja-kerja yang terlibat adalah penaiktarafan persimpangan di antara Jalan Sungai Pinang dan Jalan Baru kepada persimpangan berlampu isyarat. Projek dijangka akan bermula pada bulan Julai 2024 dan dijangka siap pada bulan Disember 2024.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(III)2

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB MUHAMAD BIN KASIM**

2. Permasalahan anjing liar yang terdapat di kawasan-kawasan perumahan dan perkampungan di kawasan N.40 Telok Bahang seperti perkampungan dan taman-taman perumahan amat membimbangkan. Adakah MBPP telah berusaha untuk menangkap anjing-anjing tersebut atau bertindak bila ada aduan sahaja?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

2. Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) mengguna pakai prosedur operasi standard (SOP) di mana operasi penangkapan dan kawalan anjing liar dan terbiar akan dijalankan berdasarkan aduan yang diterima. Terdapat dua (2) pasukan Skuad Penangkap Anjing Liar dan Terbiar MBPP yang akan menjalankan operasi penangkapan dan kawalan di Daerah Timur Laut dan Daerah Barat Daya. MBPP telah berusaha untuk menangkap anjing-anjing tersebut, namun menghadapi pelbagai cabaran semasa penangkapan terutamanya di kawasan hutan atau berbukit.

Selain itu, satu Memorandum Persefahaman (MoU) telah dimeterai antara MBPP dan *Independent Aid for Protection and Welfare of Animals* (IAPWA) pada 17 Ogos 2017 untuk mengawal populasi anjing liar dan terbiar dengan menggunakan kaedah *Trap, Neuter & Release/Rehome* (TNR) yang lebih berperikemanusiaan dan berkesan untuk jangka masa panjang dengan memutuskan kitaran pembiakan. Tujuan program ini diadakan adalah untuk mencapai matlamat kawasan pentadbiran MBPP bebas daripada anjing liar dan terbiar supaya keselamatan, keharmonian dan kesejahteraan daripada kacau ganggu anjing liar dan terbiar dapat dicapai dengan jayanya.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(III)3

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB MUHAMAD BIN KASIM**

3. Bagaimanakah Kerajaan Negeri mahu menyelesaikan permasalahan ex-gratia kepada nelayan-nelayan yang terlibat dengan PSI di tier 3 sedangkan nelayan-nelayan inilah yang paling terkesan ketika ini? Mereka tidak diberi apa-apa bayaran dan dinafikan hak untuk mendapat pampasan.

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

3. Berdasarkan kepada Laporan Penilaian Kesan kepada Alam Sekeliling (EIA) bagi projek PSI yang telah diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar pada tahun 2023, hanya sembilan (9) unit nelayan di Pulau Pinang Selatan yang terlibat dalam projek penambakan ini. Sembilan (9) unit ini adalah Permatang Tepi Laut, Sungai Batu, Teluk Kumbar dan Gertak Sanggul yang dikategorikan sebagai Tahap 1, dan Telok Tempoyak, Seri Jerjak, Batu Maung, Kuala Sungai Burung serta Pulau Betong yang dikategorikan sebagai Tahap 2.

Nelayan Tahap 1 dan 2 adalah layak menerima manfaat Pelan Pengurusan Impak Sosial (SIMP) di bawah pembangunan PSI kerana terletak paling berhampiran dengan tapak penambakan dan mungkin menghadapi kesulitan tertentu semasa kerja penambakan berjalan. Walau bagaimanapun, harus ditegaskan bahawa nelayan Tahap 1 dan 2 masih boleh ke laut untuk mencari rezeki semasa proses penambakan berjalan. Nelayan-nelayan daripada unit nelayan lain yang terletak di luar kawasan Tahap 1 dan 2 adalah jauh dari tapak penambakan PSI.

Oleh itu, Mesyuarat Jawatankuasa Task force Isu Nelayan pada 12 Disember 2023 dan Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri (MMKN) Bil.11/2024 pada 3 April 2024 telah memutuskan bahawa cadangan

mewujudkan kategori Tahap 3 bagi unit nelayan di luar kawasan Pulau Pinang Selatan yang jauh daripada projek PSI tidak dipertimbangkan setakat ini.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(III)4

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB MUHAMAD BIN KASIM**

4. Bagaimanakah pihak penguatkuasaan menguatkuasakan peraturan-peraturan terutamanya peraturan menangkap ikan di kawasan pantai, pencerobohan oleh nelayan-nelayan laut dalam di kawasan pantai yang telah merugikan hasil laut yang belum matang?
- (a) Berapa banyakkah kes-kes pelanggaran kawasan menangkap ikan oleh nelayan-nelayan laut dalam tahun 2023 di kawasan Barat Daya?

**YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

4. Penguatkuasaan Akta Perikanan 1985 oleh Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) adalah berteraskan konsep MCS-E iaitu Pemantauan, Kawalan, Pengawasan dan Penguatkuasaan. DOF sentiasa memastikan nelayan mematuhi segala syarat-syarat lesen yang dikeluarkan seperti Zon Penangkapan Ikan, saiz mata pukat di bahagian keroncong melebihi 38mm dan lain-lain supaya sumber perikanan negara dapat di urus dengan mampan dan lestari melalui siri rondaan rutin dan operasi bersepadu yang di jalankan.
- (a) Kes-kes pelanggaran kawasan menangkap ikan oleh nelayan-nelayan laut pada tahun 2023 di kawasan Barat Daya adalah seperti jadual berikut:

KAWASAN PERAIRAN	BILANGAN KES
Perairan Teluk Bahang	5
Perairan Gertak Sanggul	4
Perairan Pulau Rimau	1
Perairan Pulau Kendi	6
Perairan Pulau Betong	1

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(III)5

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB MUHAMAD BIN KASIM**

5. Isu pemilikan lesen bagi nelayan-nelayan khususnya nelayan pantai, apakah masih dibekukan dan sampai bila pembekuan ini dilaksanakan?

**YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

5. Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) telah membekukan semua pengeluaran lesen/permit vesel menangkap ikan bagi Zon A, B dan C sejak tahun 1982 kecuali vesel menangkap ikan yang beroperasi di laut dalam iaitu Zon C2 di Pantai Timur Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak serta Zon C3. Pembekuan ini dibuat dengan mengambil kira status sumber perikanan yang terdapat di perairan negara dan tahap tampungan bilangan vesel penangkapan ikan sedia ada yang beroperasi di dalam perairan Malaysia telah mencapai tahap optimum. Selain status sumber, kawalan ini adalah berdasarkan komitmen negara terhadap peraturan antarabangsa di bawah *Food and Agriculture Organization* (FAO) dan *Sustainable Development Goals* (SDG) melalui tema *Life Below Water* bagi menjamin sumber perikanan agar dapat diteroka dengan mapan.

Walau bagaimanapun, DOF sentiasa menjalankan proses pemutihan lesen iaitu proses membatalkan lesen-lesen vesel yang tidak aktif selama tiga tahun berturut-turut dari semasa ke semasa. Selepas proses pemutihan ini dibuat pihak DOF akan memproses permohonan lesen sampan khas yang dihantar oleh nelayan dengan mematuhi kriteria ditetapkan serta menghantar dokumen yang lengkap.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(III)6

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB MUHAMAD BIN KASIM**

6. Terdapat dua bangsal nelayan yang daif dan memerlukan pembaikan segera. Bilakah Jabatan Perikanan dapat mengambil tindakan membaiki bangsal-bangsal tersebut?
- (a) Bangsal Kuning Telok Bahang; dan
 - (b) Bangsal Nelayan Pulau Asmara

**YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

6. (a) Bangsal Kuning Teluk Bahang yang mengalami kerosakan ini dalam perhatian dan tindakan pihak Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Negeri Pulau Pinang. Ketika ini LKIM Negeri Pulau Pinang dalam proses pembinaan semula tembok penahan ombak di kawasan Pusat Pengumpulan Hasil Perikanan (CCDC) milik LKIM yang berada berhampiran dengan Bangsal Kuning Teluk Bahang tersebut. Bagi tujuan tersebut, LKIM Ibu Pejabat telah meluluskan peruntukan sebanyak RM278,959.40 pada tahun 2022 bagi kerja-kerja *rubble pitching* serta membina tembok penahan ombak di kawasan tersebut.

Ketika ini LKIM masih menunggu kelulusan Kebenaran Merancang (KM) daripada Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP). LKIM juga berpandangan, apabila kerja-kerja membina tembok penahan ombak tersebut selesai, kerja-kerja baik pulih serta naik taraf bangsal kuning akan diberi keutamaan. LKIM berharap nelayan yang terlibat boleh menggunakan kemudahan sedia ada di kawasan kompleks

LKIM Teluk Bahang.

- (b) Bangsa Nelayan Pulau Asmara yang mengalami kerosakan akibat hakisan juga dalam perhatian dan tindakan pihak LKIM Negeri Pulau Pinang. LKIM Negeri Pulau Pinang telah mengemukakan permohonan melalui RMKe-13 di bawah program Pemerkasaan Institusi Nelayan – Naik taraf dan membaik pulih Balai Nelayan serta kerja-kerja berkaitan Pengkalan Nelayan Pulau Asmara, Batu Feringghi dengan kos siling RM100,000.00.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(III)7

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB MUHAMAD BIN KASIM**

7. Permasalahan kemalangan di kawasan sekolah dan masjid masih di luar kawalan, apakah tindakan JKR dalam menangani isu ini?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

7. Dalam usaha memastikan keadaan lalu lintas di kawasan sekolah dan masjid berada dalam keadaan terkawal dan selamat, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kerja Raya Negeri Pulau Pinang (JKRPP) sentiasa memastikan fasiliti keselamatan melibatkan perabot jalan di kawasan sekolah dan masjid sentiasa di dalam keadaan yang baik. Antara tindakan-tindakan yang dilaksanakan adalah:
- (i) Membina pelantar kelajuan dan jejalur lintang kuning untuk memperlahankan kelajuan kenderaan;
 - (ii) Membina lintasan pejalan kaki berlampu isyarat supaya orang awam dapat melintas dengan selamat terutamanya di jalan-jalan yang sesak; dan
 - (iii) Memasang lampu amber dan papan tanda had laju sebagai peringatan kepada pengguna jalan raya di kawasan tersebut.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(III)8

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB MUHAMAD BIN KASIM**

8. Pembinaan Sekolah Menengah Air Putih yang dirancang di tapak di belakang Balai Bomba Air Putih belum dilaksanakan. Perkara ini telah dibawa pada mesyuarat Majlis Tindakan Daerah namun alasan baru dibuat permohonan bajet, apakah status sekolah tersebut pada masa kini?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

8. Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP) memaklumkan pembinaan SMK Air Putih telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) Rolling Plan 4 (RP4) Tahun 2024.

Status terkini, projek dijangka akan dilaksanakan pada tahun 2025 dengan Jabatan Kerja Raya (JKR) selaku agensi pelaksana projek.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(III)9

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB MUHAMAD BIN KASIM**

9. Terdapat banyak rungutan daripada petani-petani berkaitan makhluk perosak kera dan babi hutan.
- (a) Apakah tindakan Jabatan Hidupan Liar di dalam membanteras permasalahan ini?
 - (b) Apakah kekerapan Jabatan Hidupan Liar melakukan operasi mengekang kemusnahan tersebut?
 - (c) Memandangkan binatang-binatang ini diletakkan sebagai binatang yang dikawal, apakah resolusi untuk mengatasinya?

**YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

9. (a) Bagi menangani masalah makhluk perosak, pihak Jabatan PERHILITAN Pulau Pinang memandang serius berkenaan masalah gangguan hidupan liar terutama gangguan dari spesies kera dan babi hutan di Negeri Pulau Pinang. Oleh itu, bagi mengatasi gangguan makhluk-hidupan liar ini, Jabatan Perhilitan telah memasang perangkap haiwan di beberapa kawasan. Bagi kawalan di kawasan Teluk Bahang, pihak PERHILITAN telah memasang beberapa perangkap kera dan babi hutan sejak Januari 2024 hingga sekarang. Pemasangan perangkap telah dilakukan di enam (6) lokasi berasingan dan lebih 25 ekor kera bermasalah dan enam (6) ekor babi hutan telah ditangkap dan dilupuskan.

- (b) Pihak Jabatan PERHILITAN Pulau Pinang sentiasa membuat pemantauan di kawasan aduan diterima. Perangkap yang dipasang akan diaktifkan setiap masa untuk tempoh tidak melebihi tiga (3) bulan untuk satu-satu kawasan. Ia bergantung kepada tahap keberkesanan perangkap tersebut. Bagi operasi pembasmian hidupan liar bermasalah ini, rondaan akan dilakukan sebanyak dua (2) atau tiga (3) kali seminggu untuk satu kawasan.
- (c) Spesies kera dan babi hutan ini adalah termasuk dalam Jadual Pertama di dalam Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 [Akta 716]. Spesies yang terkandung dalam jadual ini adalah dilindungi dari apa-apa aktiviti memburu, menjual, menyimpan atau memprovokasi hidupan liar. Walau bagaimanapun, Pegawai Hidupan Liar dapat menjalankan kawalan atau memburu hidupan liar ini jika hidupan liar ini mengancam nyawa dan harta benda manusia dengan mengikut garis panduan dan pelan tindakan yang telah dikeluarkan berhubung kawalan terhadap hidupan liar ini.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(III)10

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB MUHAMAD BIN KASIM**

10. Isu pembinaan pusat penjagaan anjing liar di kampung Permatang Pasir, Balik Pulau. Adakah mendapat kelulusan daripada pihak MBPP?
- (a) Apakah syarat atau pemantauan oleh pihak MBPP agar keselamatan penduduk setempat sentiasa terlindung dari penyakit?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

10. Pusat penjagaan anjing liar di Kampung Permatang Pasir, Balik Pulau dimiliki oleh sebuah Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) iaitu *Penang Stray Rescue Society* (PGSR). Manakala pusat penjagaan anjing liar di Kampung Permatang Pasir Balik Pulau adalah tidak berlesen di bawah Akta Kebajikan Haiwan 2015 (Akta 772) dan Akta 772 adalah di bawah kuasa Lembaga Kebajikan Haiwan. Di bawah Akta 772 ini, terdapat Kod Amalan Kebajikan Haiwan Aktiviti Kawalan Haiwan Terbiar Serta Pengurusan Tempat Kurungan Dan Perlindungan Haiwan yang dibuat untuk memastikan pengurusan kawalan haiwan terbiar serta pengurusan tempat kurungan dan perlindungan haiwan dapat dilaksanakan dengan kaedah yang betul oleh semua agensi kerajaan dan swasta yang terlibat dalam aktiviti kawalan haiwan terbiar agar kebajikan haiwan tersebut tidak diabaikan dan terpelihara.
- (a) MBPP akan menjalankan pemantauan dan operasi penangkapan anjing berdasarkan aduan kacau ganggu untuk

menjamin keselamatan, keharmonian dan kesejahteraan penduduk setempat manakala pencegahan penyakit zoonotik adalah di bidang kuasa Jabatan Perkhidmatan Veterinar.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(III)11

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB MUHAMAD BIN KASIM**

11. Projek menaik taraf tempat melihat matahari terbenam dan pasar bisik di Pantai Malindo telah dimajukan di dalam rancangan Kerajaan Negeri. Apakah status projek tersebut pada masa kini?.

**YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

11. Pejabat Daerah dan Tanah Barat Daya telah mengenal pasti beberapa projek yang sesuai dilaksanakan di Pantai Malindo dan telah memohon peruntukan Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) untuk dilaksanakan dalam *Rolling Plan* Ke-5 (RP5) Rancangan Malaysia ke-12 (RMKe-12) pada tahun 2025.

Status kini ialah masih menunggu keputusan permohonan tersebut.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(III)12

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB MUHAMAD BIN KASIM**

12. Agensi-agensi yang membantu golongan bumiputera di dalam menjalankan Perniagaan Kecil dan Sederhana seperti PERDA, MARA, TEKUN dan lain-lain. Setakat ini, berapa ramaikah peniaga-peniaga kecil dan sederhana di kawasan Barat Daya yang masih kekal aktif?

**YB RASHIDI BIN ZINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

12. Peniaga-peniaga kecil dan sederhana di kawasan Barat Daya yang masih kekal aktif mengikut agensi adalah seperti berikut:
- (i) 50 orang peniaga kecil di bawah Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA);
 - (ii) 282 orang penerima kemudahan pembiayaan, geran dan premis di bawah MARA;
 - (iii) 3,030 orang usahawan masih aktif menjalankan perniagaan sehingga kini di bawah TEKUN;
 - (iv) 45 orang peniaga yang kekal aktif berniaga di gerai-gerai seliaan Pejabat Daerah dan Tanah Barat Daya; dan
 - (v) 620 orang peniaga bumiputera yang masih aktif berniaga di premis-premis perniagaan seliaan Majlis Bandaraya Pulau Pinang.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(III)13

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB MUHAMAD BIN KASIM**

13. Pada tahun 2023, berapa ramaikah peniaga dan IKS bumiputera yang telah mendapat bantuan dan berjaya menjadi pengusaha dan peniaga yang berjaya?

**YB RASHIDI BIN ZINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

13. Kerajaan Negeri sentiasa bekerjasama dengan pelbagai agensi Negeri dan Persekutuan bagi memastikan manfaat yang menyeluruh diterima oleh peniaga dan IKS Bumiputera secara khusus. Pada tahun 2023, peniaga dan IKS Bumiputera telah mendapat manfaat melalui pelbagai program dan bantuan yang diberikan melalui inisiatif-inisiatif berikut:
- (a) Kerajaan Negeri telah dan sedang melaksanakan Program Peningkatan dan Pemulihan Ekonomi (Bantuan Peralatan) Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Jawatankuasa MMK Pembangunan Luar Bandar dengan kerjasama kelima-lima Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) dengan nilai bantuan alatan sebanyak RM3,000.00 kepada usahawan kecil yang layak dan diluluskan melalui mesyuarat *Focus Group* Kesejahteraan Rakyat Peringkat Daerah (FGD). Pada tahun 2023, seramai 71 orang usahawan kecil Bumiputera yang telah menerima bantuan alatan melalui program tersebut;
 - (b) Penang Halal International Sdn Bhd (PHI) telah menyertai beberapa pameran dalam dan luar negara dan turut membawa bersama 21 syarikat/ usahawan halal di Pulau Pinang bagi mempamerkan produk dan memperluaskan rangkaian mereka

di dalam dan di luar negara. Antara pameran yang telah disertai adalah seperti berikut:

- (i) Selangor International Halal Convention (SELHAC) - 7 Syarikat;
 - (ii) Medan Fair, Indonesia - 6 Syarikat;
 - (iii) World Islamic Entrepreneur Summit (WIES) Padang, Indonesia - 1 Syarikat;
 - (iv) Minggu Usahawan Negara & Minggu PMKS Peringkat Kebangsaan - 1 Syarikat; dan
 - (v) Malaysia International Halal Showcase (MIHAS) - 6 Syarikat.
- (c) Lebih 877 orang peserta / entiti telah mendapat manfaat daripada program / projek yang dilaksanakan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA). Sejumlah 22 syarikat telah ditempatkan di PERDA Food Park dan memperoleh nilai jualan dalam lingkungan RM500,000 ke RM1,000,000 setahun;
- (d) Di bawah Majlis Pembangunan Bumiputera Pulau Pinang, jumlah peserta yang terlibat melalui program pembangunan usahawan pada tahun 2023 adalah seperti berikut:
- (i) Himpunan Usahawan Bumiputera Pulau Pinang –1,200 peserta
 - (ii) Kursus Pembangunan Laman Web – 100 peserta
 - (iii) Kursus Digital Marketing – 500 peserta
 - (iv) Kursus Perakaunan, Cukai dan Zakat – 50 peserta
 - (v) Kursus Advance Digital Marketing – 100 peserta
 - (vi) Kursus Pembangunan Laman Web – 60 peserta
 - (vii) Penyertaan MIHAS 2023 – 20 peserta
 - (viii) Penyertaan Malaysia Fest – 15 peserta
 - (ix) Penyertaan Agrofesta@Aidilfitri – 30 peserta
 - (x) Kursus Teknologi Retort – 100 peserta
- e) Di bawah Majlis Amanah Rakyat, seramai 52 orang penerima kemudahan melibatkan peruntukan sebanyak RM720,810.00 geran yang telah diberikan kepada usahawan Bumiputera pada tahun 2023 yang berjaya meningkatkan jualan dan mengembangkan pasaran produk dan perkhidmatan melalui

Pusat Mara (PUSMA). Selain itu seramai 160 orang penerima turut menerima kemudahan pembiayaan perniagaan MARA dengan peruntukan sebanyak RM18,726,000.00; dan

- (f) Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor (NCIA) melalui program Dana Usahawan NCER membantu syarikat perusahaan kecil dan sederhana (PKS) Bumiputera yang berkeelayakan dan berhasrat untuk melabur di dalam sektor – sektor tumpuan Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER), di mana program ini berperanan sebagai “*tipping point*” kepada syarikat – syarikat tersebut. Pada tahun 2023, sebanyak 4 buah syarikat Bumiputera berdaya saing tinggi telah memanfaatkan Dana Usahawan NCER di dalam mengembangkan perusahaan mereka dengan jumlah pelaburan yang telah dimudah cara adalah sebanyak RM3.3 juta. Sebanyak 25 peluang pekerjaan baharu telah berjaya diwujudkan hasil pelaburan – pelaburan tersebut.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(III)14

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB MUHAMAD BIN KASIM**

14. Huraikan apakah yang telah dilaksanakan oleh Persatuan Peniaga Bumiputera Pulau Pinang di dalam menentukan ahli-ahli persatuan tetap kompeten dalam mengharungi suasana yang menekan sekarang ini.
- (a) Sehingga kini, berapa ramaikah kontraktor bumiputera yang masih aktif dan mendapat tender-tender kerajaan?

**YB RASHIDI BIN ZINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

14. Kerajaan Negeri tidak mempunyai maklumat berkenaan kaedah penentuan pemilihan ahli-ahli Persatuan Bumiputera Pulau Pinang.
- (a) Selaras dengan dasar perolehan negeri setiap kontraktor/ syarikat/ pembekal hendaklah berdaftar dengan Sistem Perolehan Negeri Pulau Pinang (sysP) sebelum dibenarkan menyertai perolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang sama ada secara sebut harga atau tender bagi perolehan bekalan, perkhidmatan atau kerja. Walau bagaimanapun, YB Pegawai Kewangan Negeri boleh memberikan kelulusan khas untuk pengecualian daripada berdaftar dengan Sistem sysP berdasarkan *case by case basis*.

Berdasarkan data daripada Sistem sysP, sehingga kini iaitu setakat 30 April 2024, terdapat sejumlah 5,287 kontraktor/ syarikat/ pembekal yang telah berdaftar dalam Sistem sysP dan masih aktif. Daripada jumlah tersebut, sejumlah 4,381 (83%) adalah kontraktor/ syarikat/ pembekal bertaraf Bumiputera, manakala 906 (17%) adalah kontraktor/ syarikat/ pembekal bertaraf Bukan Bumiputera. Dari tahun 2023

sehingga 30 April 2024, sebanyak 2,113 kontraktor/ syarikat/ pembekal Bumiputera yang telah berjaya ditawarkan sebut harga atau tender oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Manakala, bagi kontraktor binaan yang berdaftar bersama Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) pula adalah seramai 3,123 kontraktor bumiputera yang mempunyai Sijil Taraf Bumiputera (STB) dan aktif di Negeri Pulau Pinang sehingga 30 April 2024.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(III)15

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB MUHAMAD BIN KASIM**

15. Berapa ramaikah peserta projek akuakultur yang terlibat di tanah PERDA di kawasan Balik Pulau terdiri daripada golongan bumiputera? Senaraikan peserta-peserta tersebut.

**YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

15. Terdapat dua (2) syarikat yang terlibat sebagai peserta bagi projek industri akuakultur di atas tanah milikan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA), Balik Pulau iaitu Syarikat Miya Global Sdn. Bhd. yang merupakan milikan bumiputera manakala Syarikat Global Goodway Sdn. Bhd. bukan milikan bumiputera.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(III)16

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB MUHAMAD BIN KASIM**

16. Daripada keseluruhan penyewa-penyewa di tapak akuakultur itu, senaraikan jumlah tahun mereka menyewa di tapak tersebut sehingga sekarang.

**YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

16. Terdapat dua (2) syarikat yang terlibat sebagai peserta bagi projek akuakultur di tanah PERDA, Balik Pulau. Syarikat Global Goodway Sdn. Bhd. telah menyewa selama 20 tahun dan tempoh penyewaan ditambah 20 tahun lagi bermula tahun 2024. Manakala Syarikat Miya Global Sdn. Bhd. telah menyewa selama 10 tahun bermula tahun 2020 dan akan berakhir pada tahun 2029.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(III)17

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB MUHAMAD BIN KASIM**

17. Terdapat dua projek perumahan RMM di kawasan Balik Pulau yang kelewatan disiapkan iaitu di Kampung Titi Teras dan di Kampung Sungai Pinang. Apakah status projek tersebut?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

17. Mengikut rekod projek-projek perumahan swasta yang didaftarkan dan dilaporkan di dalam Sistem Bank Data Perumahan Negara (TEDUH) di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), terdapat dua (2) projek di kawasan Balik Pulau yang berada dalam kategori Projek Sakit di kawasan Balik Pulau iaitu projek Quinton (Rumah Mampu Milik, RMM C) di Kampung Titi Teras dan projek Sri Bayu (RMM A dan B) di Kampung Sungai Pinang. Kedua-dua projek ini dibangunkan oleh pemaju yang sama iaitu Tetuan Prisma Bumiraya Sdn. Bhd.

Berdasarkan laporan tersebut, projek Quinton yang mempunyai 379 unit RMM C sepatutnya disiapkan pada 12 April 2023 dan laporan kemajuan kerja semasa sehingga tarikh 30 April 2024 adalah sebanyak 70%. Manakala bagi projek Sri Bayu pula, komponen yang terlibat adalah 246 unit RMM yang terdiri daripada 80 unit RMM A dan 166 unit RMM B. Ia sepatutnya siap pada 23 Oktober 2023. Sehingga tarikh berakhir 30 April 2024, kemajuan kerja yang dilaporkan adalah sebanyak 85% sahaja.

Berdasarkan maklum balas yang diterima daripada pihak pemaju, terdapat beberapa masalah dan isu telah timbul akibat daripada penularan wabak pandemik COVID-19. Isu peningkatan kos binaan dan prestasi kontraktor yang dilantik telah menjadi masalah

utama dalam pelaksanaan projek ini. Perkara ini telah menyebabkan masalah yang lebih serius dan membebankan pembeli-pembeli unit RMM yang majoritinya adalah golongan yang berpendapatan rendah (B40) dan sederhana rendah (M40). Kontraktor telah gagal melaksanakan kerja-kerja yang diberikan mengikut jadual sehingga menyebabkan projek ini mengalami kelewatan yang serius dan diklasifikasikan sebagai projek sakit oleh KPKT.

Lanjutan itu, Kerajaan Negeri telah menyarankan supaya pihak pemaju menyediakan pelan mitigasi bagi menyelesaikan isu ini dengan kadar segera dan menyerahkan rumah-rumah tersebut kepada pembeli yang telah menandatangani perjanjian jual beli. Pihak pemaju telah melaksanakan proses rundingan semula harga bersama kontraktor dan kontraktor baharu dijangka akan dilantik pada bulan Mei 2024. Kerja-kerja di tapak akan dimulakan semula pada bulan Jun 2024.

Pihak pemaju juga telah membuat penjajaran semula pada jadual kerja dan projek-projek ini dijangka siap bersama dengan Sijil Penyiapan dan Pematuhan (CCC) seperti di **Jadual 1** berikut:

Bil.	Perkara	Quinton	Sri Bayu
1.	Komponen	379 unit RMM C	80 unit RMM A 166 unit RMM B
2.	Kemajuan Semasa	70%	85%
3.	Tarikh patut siap	12 April 2023	23 Oktober 2023
4.	Tarikh unjuran siap baharu (CCC)	Penggal kedua 2025	Penggal pertama 2025

Jadual 1: Perincian berkaitan projek Quinton dan Sri Bayu.

Selain itu, pihak KPKT juga telah memanggil satu mesyuarat di bawah Seksyen 10E(1) Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [Akta 118] bersama pihak pemaju dan agensi-agensi berkaitan pada 8 Mei 2024 bagi tujuan siasatan secara lisan berkaitan projek perumahan bermasalah di Negeri Pulau Pinang. Mesyuarat ini juga adalah bertujuan untuk menyelaras dan merancang proses pemulihan ke atas projek-projek tersebut.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(III)18

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB MUHAMAD BIN KASIM**

18. Senaraikan skim perumahan RMM jenis A dan B mengikut lokasi di kawasan Barat Daya.
- (a) Huraikan senarai nama pemohon rumah yang terdapat dalam sistem Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang bagi kawasan Barat Daya.
 - (b) Huraikan Skim Sewa Beli oleh LPNPP.

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

18. Berdasarkan rekod Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP), terdapat sejumlah 82 skim pemajuan Rumah Mampu Milik (RMM) A dan B yang telah dibina di Daerah Barat Daya (DBD) yang terdiri daripada 68 pemajuan RMM A dan 14 pemajuan RMM B. Senarai skim pemajuan RMM A dan B di DBD adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (a) Merujuk maklumat yang dijana daripada Sistem Maklumat Perumahan LPNPP berakhir pada 30 April 2024, terdapat sebanyak 7,651 permohonan di DBD. Pecahan permohonan tertinggi mengikut RMM adalah RMM A seramai 3,489 pemohon, diikuti RMM B seramai 1,662 pemohon dan RMM C3 seramai 1,264 pemohon. Selaras dengan syarat permohonan, setiap permohonan perlulah dikemas kini oleh pemohon dalam tempoh tiga (3) tahun sekali. Kempen pengemaskinian telah dimulakan mulai September 2022 yang mana sehingga 30 April 2024, sejumlah 1,878 pemohon

aktif berdaftar menunggu telah direkodkan bagi kawasan DBD. Permohonan paling tinggi adalah melibatkan RMM A seramai 794 pemohon, diikuti RMM B seramai 457 pemohon dan RMM C3 seramai 389 pemohon. Berikut merupakan jadual pecahan permohonan tertinggi dan pemohon aktif tertinggi mengikut RMM bagi DBD seperti **Jadual 1** berikut:

PECAHAN MENGIKUT RMM DI DAERAH BARAT DAYA		
RMM	JUMLAH PERMOHONAN TERTINGGI	JUMLAH PEMOHON AKTIF TERTINGGI
A	3,489	794
B	1,662	457
C3	1,264	389

Jadual 1: Pecahan Permohonan Tertinggi Dan Pemohon Aktif Tertinggi Mengikut RMM.

- (b) Sebanyak 220,000 unit RMM disasarkan untuk disediakan di bawah Visi Penang2030. 10 peratus daripadanya iaitu 22,000 unit telah diperuntukkan sebagai Skim Sewa Beli atau *Rent To Own* (RTO) di Pulau Pinang. Skim RTO yang diperkenalkan di Pulau Pinang ditawarkan kepada rakyat Pulau Pinang yang layak. Antara syarat kelayakan pemohon adalah mengikut jenis RMM yang dimohon. Skim RTO disasarkan bagi mengatasi isu penolakan pinjaman. Kaedah ini juga dapat mengawal penyewaan semula unit (sublet) yang akan merugikan subsidi yang ditanggung oleh Kerajaan Negeri dan pemaju dalam penyediaan RMM. DBD telah pun menerima satu (1) projek RTO yang ditawarkan oleh LPNPP iaitu Pangsapuri Idaman Prestij (K-Park) yang mempunyai sebanyak 635 unit RTO daripada 1,175 keseluruhan unit. Sehingga 30 April 2024, kesemua unit tersebut telah pun ditawarkan kepada pemohon yang berjaya. Bagi unit RTO yang ditawarkan ini, penyewa beli dikehendaki untuk membayar sebanyak RM240.00 sebulan bagi tempoh 15 tahun tanpa melibatkan sebarang pinjaman bank. Unit RTO tersebut akan dipindah milik kepada penyewa beli setelah penyewa beli tersebut menyempurnakan bayaran bulanan dan apa-apa bayaran yang dikenakan bagi unit sewa beli tersebut sebaik

sahaja tempoh sewa beli iaitu 15 tahun berakhir sebagaimana yang dinyatakan di dalam Perjanjian Sewa Beli. Sekiranya penyewa beli tersebut gagal untuk membuat apa-apa bayaran termasuk bayaran bulanan, unit sewa beli tersebut boleh ditarik balik oleh LPNPP. Kaedah sewa beli ini membantu proses pemilikan rumah dalam kalangan penyewa beli yang kurang berkemampuan di Pulau Pinang.

LAMPIRAN A**SENARAI PROJEK RUMAH MAMPU MILIK (RMM A)
(HARGA MAKSIMA RM42,000) DALAM DAERAH BARAT DAYA**

BIL.	PEMAJU	PROJEK
1	ZANTALITE ENTERPRISE SDN BHD	SUNGAI ARA
2	WISMA DAYAMAS SDN.BHD	CASA TIARA
3	VIVAHILL CORPORATION SDN BHD	DESA PANTAI INDAH
4	UIS DEVELOPMENT SDN BHD	TAMAN SERI ABADI
5	TPPT SDN BHD	TAMAN KEJORA
6	TEH AH BA HOLDINGS SDN BHD	TAMAN SG BATU
7	TECHWARE SDN BHD	TAMAN DESA GENTING
8	TECHWARE ENTERPRISE SDN. BHD.	DESA PUTRA
9	SUNWAY TUNAS SDN BHD	TAMAN TELUK
10	SUNWAY TUNAS SDN BHD	TAMAN TELUK
11	SUNWAY GRAND SDN BHD	DESA KAYU MANIS
12	SRI KONDOMAS SDN BHD	SRI GERTAK SANGGUL
13	SOUTHDOWNS CORPORATION SDN BHD	TELUK KUMBAR HEIGHTS
14	SIERRA RESIDENCES (M) SDN BHD	ARA GREEN
15	SETIA PROMENADE SDN BHD	SETIA PULAU MUTIARA
16	SETIA PROMENADE SDN BHD	STIA VISTA
17	SERAIMAS BINA SDN BHD	MAHSURI COURT
18	SAUJANA MERPATI SDN BHD	SAUJANA HEIGHTS
19	SALURAN PROJEK DEVELOPMENT SDN.BHD.	KRSYTAL IDAMAN

BIL.	PEMAJU	PROJEK
20	REKA INDAH DEVELOPMENT (PENANG) SDN BHD	SRI AKASIA
20	REKA INDAH DEVELOPMENT (PENANG) SDN BHD	SRI AKASIA
21	PRISMA BUMIRAYA SDN. BHD.	SRI BAYU
22	PRIME VIEW SDN BHD	TAMAN NIBONG INDAH
23	PPH RESORT	MUTIARA PERDANA FASA 2
24	PLB LAND SDN BHD	PRESTIGE III
25	PENGASAS DEVELOPMENT SDN BHD	DESA PILIHAN
26	PALMEX INDUSTRIES SDN BHD	SRI MERPATI 2
27	PALMEX INDUSTRIES SDN BHD	TAMAN DESARIA
28	PALMEX INDUSTRIES SDN BHD	SRI PUTERI
29	PADU INTAN SDN BHD	TMN BALIK PULAU
30	MOUNT PLEASURE CORPORATION SDN BHD	DESA MARINA
31	MODULAR PLATINUM SDN BHD	IDAMAN SELASIH
32	M SUMMIT CORPORATION SDN BHD	TAMAN BUKIT GEMURUH/TAMAN RIA
33	LIP SIN SDN BHD	TAMAN MEWAH
34	LEMBAMAN DEVELOPMENT SDN BHD	BANDAR BARU AIR PUTEH
35	LEMBAMAN DEVELOPMENT SDN BHD	DESA NIPAH
36	LEMBAGA PERUMAHAN NEGERI PULAU PINANG	PANGSAPURI IDAMAN PRESTIJ (K-PARK)
37	LEMBAGA PERUMAHAN NEGERI PULAU PINANG	PANGSAPURI IDAMAN PRESTIJ (K-PARK) (SEWA BELI)
38	LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG (PERDA)	KUALA SUNGAI PINANG
39	KOPERASI TUNAS MUDA SG. ARA BHD	IDAMAN MELUR

BIL.	PEMAJU	PROJEK
40	KOPERASI TUNAS MUDA SG. ARA BHD	SUNGAI ARA
41	KOPERASI TUNAS MUDA SG. ARA BHD	IDAMAN SEROJA
42	KOPERASI TUNAS MUDA SG. ARA BHD	TMN TUNAS DAMAI FASA 1
43	KAY PRIDE	RIMBUN PANGSAPURI
44	JKP SDN BHD	SERI ANGGUN
45	IDEAL PROPERTY DEVELOPMENT SDN. BHD.	I-PARK
46	I&P NIBONG SDN BHD	TAMAN SRI NIBONG FASA 4C
47	GOLD MART PROPERTIES SDN BHD	TAMAN GENTING EMAS
48	GOLD MART DEVELOPMENT SDN BHD	FREESIA (TITI HEIGHT)
49	GAYARENA SDN BHD	PALA PLACE
50	FOCUS ESTATE SDN BHD	TAMAN BALIK PULAU
51	ENRICH PROPERTY DEVELOPMENT SDN BHD	SOUTHBAY (MAH SING)
52	DOMINANT SDN BHD	DESA WIDURI
53	DIAMAWARD (M) SDN. BHD.	TAMAN BAYU NYAMAN
54	CP LANDMARK SDN BHD	PANGSAPURI BAYAN INDAH
55	CORFIELD DEVELOPMENT SDN. BHD.	CASA ARA
56	BENCON DEVELOPMENT SDN BHD	TAMAN SRI BAYAN
57	ASIA GREEN CONSTRUCTION SDN BHD	SURIA MERBAH
58	ARCHLAW DEVELOPMENT SDN BHD	DESA JELITA
59	ACRELINE SDN BHD	DESA SRI ARA

BIL.	PEMAJU	PROJEK
61	SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG	RUMAH PANGSA TELOK BAHANG
62	SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG	PERMATANG DAMAR LAUT FASA I
63	SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG	TELOK KUMBAR
64	SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG	MEDAN NELAYAN, TELOK BAHANG
65	SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG	GERTAK SANGGUL
66	SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG	TAMAN SIMPANG JAYA
67	ASEANIA DEVELOPMENT SDN. BHD./ UDA HOLDINGS SDN. BHD.	GENTING (TAMAN SRI INDAH)
68	PENANG DEVELOPMENT CORPORATION	RUMAH MURAH BAYAN LEPAS

SENARAI PROJEK RUMAH MAMPU MILIK (RMM B)
(HARGA MAKSIMA RM72,500) DALAM DAERAH BARAT DAYA

BIL.	PEMAJU	PROJEK
1	WISMA DAYAMAS SDN.BHD	CASA TIARA
2	TPPT SDN BHD	PANGSAPURI MERCURY
3	TECHWARE ENTERPRISE SDN. BHD.	DESA PUTRA
4	SIERRA RESIDENCES (M) SDN BHD	ARA GREEN
5	SERAIMAS BINA SDN BHD	MAHSURI COURT
6	PRISMA BUMIRAYA SDN. BHD.	SRI BAYU
7	POTENTIAL DUAL SDN. BHD	FAIRVIEW RESIDENCE
8	PDC PROPERTIES SDN BHD	DUA RESIDENSI 1
9	MODULAR PLATINUM SDN BHD	IDAMAN SELASIH
10	M SUMMIT CORPORATION SDN BHD	TAMAN BUKIT GEMURUH/TAMAN RIA
11	KAY PRIDE	RIMBUN PANGSAPURI
12	DEFINITE HARMONY DEVELOPMENT SDN. BHD.	TAMAN HARMONY VISTA
13	CORFIELD DEVELOPMENT SDN. BHD.	CASA ARA
14	CORFIELD DEVELOPMENT SDN. BHD.	CASA ARA

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(III)19

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB MUHAMAD BIN KASIM**

19. Apakah statistik kes penagihan dadah di kawasan Barat Daya seperti berikut, Teluk Kumbar, Pulau Betong dan Telok Bahang?

**YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

19. Berdasarkan rekod pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) Pulau Pinang, statistik kes penagihan dadah di kawasan Barat Daya iaitu Teluk Kumbar, Pulau Betong dan Telok Bahang adalah seperti berikut:

**STATISTIK KES PENAGIHAN DADAH DI KAWASAN DAERAH
BARAT DAYA**

BIL.	KAWASAN	TEMPOH	BILANGAN ORANG YANG TERLIBAT
1.	Teluk Kumbar	Januari – April 2024	100
2.	Pulau Betong	Januari – April 2024	7
3.	Telok Bahang	Januari – April 2024	27
JUMLAH KESELURUHAN			134

Berdasarkan rekod Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), jumlah penyalah guna dan penagih dadah serta bahan yang berdaftar di Pulau Pinang sehingga April tahun 2024 yang dianggarkan adalah sebanyak 4,033 kes. Jumlah penyalah guna dan penagih dadah serta bahan di Daerah Barat Daya ialah sebanyak 583 kes. Manakala jumlah penyalah guna dan penagih dadah serta bahan di dalam DUN Telok Bahang adalah sebanyak 316 kes. Data mengikut kawasan pula adalah kawasan Teluk Kumbar sebanyak 102 kes,

kawasan Teluk bahang sebanyak 43 kes dan kawasan Pulau Betong sebanyak 171 kes.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(III)20

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB MUHAMAD BIN KASIM**

20. Apakah statistik operasi tangkapan "mat rempit" di kawasan Barat Daya?
- (a) Di manakah *hot spot* kegiatan rempit berlaku?
 - (b) Berapa ramaikah kes rempit yang melibatkan kematian di Barat Daya?
 - (c) Apakah tindakan yang dilakukan oleh jabatan terlibat di dalam membanteras kes-kes rempit dari terus berlaku?

**YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

20. Berdasarkan rekod pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) Pulau Pinang, statistik operasi/ saman/ sita dan tangkapan "mat rempit" di kawasan Daerah Barat Daya adalah seperti berikut:

2023

- (1) Jumlah operasi samseng jalanan pada tahun 2023: 106 kali;
- (2) Jumlah saman dikeluarkan pada operasi samseng jalanan pada tahun 2023: 2256 keping;
- (3) Jumlah motosikal disita semasa operasi samseng jalanan: 707 buah;
- (4) Jumlah tangkapan dibawah sek. 42 (1) APJ 1987: 22 orang.

Sehingga 30 April 2024

- (1) Jumlah operasi samseng jalanan pada tahun 2024: 18 kali;
- (2) Jumlah saman dikeluarkan pada operasi samseng jalan pada tahun 2024: 255 keping;
- (3) Jumlah motosikal di sita semasa operasi samseng jalanan: 91 buah;
- (4) Jumlah tangkapan dibawah sek. 42 (1) APJ 1987: 4 orang.
 - (a) Berdasarkan rekod pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) Pulau Pinang, *hot spot* kegiatan rempit berlaku di Daerah Barat Daya adalah seperti berikut:
 - (i) Jalan Mahsuri/ Jalan Mayang Pasir (Sunshine);
 - (ii) Lebuhraya Tun Dr Lim Choong Eu (Seagate);
 - (iii) Jalan Tun Dr Awang;
 - (iv) Bulatan Bayan Baru.
 - (b) Berdasarkan rekod pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) Pulau Pinang, tiada maklumat kemalangan yang melibatkan kematian berlaku di Daerah Barat Daya (DBD) akibat lumba haram dilaporkan di dalam sistem Laporan Polis iPRS.
 - (c) Tindakan yang dilakukan oleh pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) Pulau Pinang bagi membanteras kes-kes rempit dari terus berlaku selain daripada aktiviti penguatkuasaan dalam usaha menangani permasalahan ini adalah seperti berikut:
 - (1) Membuat operasi secara kolaborasi dengan pihak Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) seperti operasi premis kedai yang mengubahsuai motorsikal dan lain-lain penguatkuasaan mengikut peruntukan undang-undang.
 - (2) Berbincang dan memberi cadangan dengan pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM)

dalam aspek teknikal ke atas jalan raya supaya lokasi tersebut tidak menjadi 'trek' pelumbaan dan sebagainya.

- (3) Membuat operasi bersepadu sepanjang hujung minggu dan Hari Kelepasan Am seperti sekatan jalan raya oleh pihak trafik dan rondaan secara 24 jam oleh kereta peronda (MPV) dan unit rondaan bermotosikal (URB).
- (4) Usaha secara pendidikan dan jangka masa yang panjang ke atas remaja yang meningkat dewasa. pihak PDRM telah bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mewujudkan Pegawai Perhubungan Sekolah (PPS) telah mewujudkan program "MESRA". Pihak PDRM akan memberi ceramah di peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah di seluruh negeri Pulau Pinang mengikut silibus yang telah dikeluarkan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(III)21

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB MUHAMAD BIN KASIM**

21. Terdapat projek masjid dan surau Bandar Baru Air Putih yang telah diluluskan tapak oleh pemaju.
- (a) Apakah status tanah tersebut telah diambil alih oleh MAINPP?
 - (b) Sebagai agensi pelaksana, bilakah perancangan memulakan pembinaan masjid tersebut?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

21. (a) Urusan pendaftaran tapak Masjid Bandar Baru Air Putih iaitu Lot 1100, Mukim 4, Daerah Barat Daya telah selesai didaftarkan atas nama Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) pada 23 Oktober 2008 manakala bagi tapak surau iaitu PT 134, Mukim 4, Daerah Barat Daya telah selesai didaftarkan atas nama MAINPP pada 02 Januari 2022.
- (b) Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP) sebagai agensi yang menyelaraskan berkaitan pembinaan masjid dan surau Negeri Pulau Pinang, JHEAIPP masih belum menerima sebarang permohonan daripada pihak kariah bagi tujuan pembinaan Masjid baru di Bandar Baru Air Putih. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri melalui JHEAIPP akan menyelaraskan dan meneliti keperluan bagi pembinaan masjid tersebut.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(III)22

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB MUHAMAD BIN KASIM**

22. Masalah gangguan bekalan air yang berlaku pada awal tahun 2024 telah menimbulkan kesulitan kepada rakyat Pulau Pinang.
- (a) Apakah perancangan dan tindakan pihak PBA di dalam menangani isu penurunan paras air dalam takungan yang ketara pada musim kemarau?
 - (b) Kenaikan tarif air telah membebankan kepada pengguna, berikan penjelasan.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

22. (a) Untuk menampung permintaan air sepanjang musim kemarau, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) telah mengurangkan pengambilan air mentah dari Empangan Air Itam dan menyalurkan air terawat dari Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua untuk kegunaan penduduk di sekitar kawasan Air Itam.
- (b) Bagi memastikan kualiti perkhidmatan dan kestabilan bekalan air di Pulau Pinang sentiasa terjamin, pihak penyedia perkhidmatan (PBAPP) perlu melabur dalam pembangunan infrastruktur. Justeru, peningkatan tarif air diperlukan untuk memastikan PBAPP mempunyai kemampuan kewangan yang mencukupi untuk menampung keperluan operasi dan pembangunan yang telah dirancang. Dalam usaha membantu golongan yang terkesan dengan kenaikan ini, pelbagai inisiatif

telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri melalui PBAPP seperti berikut:-

- (i) Rebat Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT);
- (ii) Rebat Mesra Keluarga (RMK) bagi keluarga yang besar (8 orang ke atas);
- (iii) Kampung Loan (bayaran pendahuluan untuk sambungan meter dan paip air);
- (iv) Rebat Kebocoran Air;
- (v) Bayaran Ansuran; dan
- (vi) Subsidi untuk pengguna domestik (2023: RM116.0 juta).

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(III)23

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB MUHAMAD BIN KASIM**

23. Semasa gangguan bekalan air baru-baru ini kategori rumah bertingkat apartment, flat, kondominium dan sebagainya mengalami permasalahan air yang serius, terutama *pump* air yang rosak dan kurang efektif. Apakah usaha MBPP di dalam menentukan penyelenggaraan *pump-pump* ini sentiasa efektif dan berfungsi?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

23. Usaha-usaha yang dilakukan oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) bagi memastikan isu pam air yang rosak dan kurang efektif di rumah bertingkat adalah seperti berikut:
1. Pemantauan dan penyelenggaraan secara berkala dilakukan bagi memastikan keadaan pam air di rumah pangsa milik MBPP berada dalam keadaan baik dan sentiasa berfungsi;
 2. MBPP dengan kerjasama Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) turut memberikan pemakluman serta penerangan kepada pihak pengurusan perumahan berstrata berkaitan kepentingan penyelenggaraan dan pembaikan tangki dan pam air secara berjadual;
 3. Mamastikan Badan Pengurusan Bersama atau *Joint Management Body* (JMB) atau Perbadanan Pengurusan atau *Management Corporation* (MC) yang dianggotai dan diuruskan oleh pemilik petak melakukan pemantauan dan penyelenggaraan pam secara efisien terhadap kediaman berstrata. Sekiranya terdapat masalah atau ketiadaan Ahli Jawatankuasa JMB/MC di sesuatu skim berstrata, MBPP akan mengeluarkan notis untuk memanggil mana-mana pemilik

petak yang ingin mempengerusikan Mesyuarat Agung Luar Biasa (EGM) bagi mengaktifkan pengurusan JMB/MC di skim tersebut. Sekiranya masih gagal, MBPP akan melaksanakan pelantikan ejen pengurusan berdasarkan Seksyen 86, Akta Pengurusan Strata, 2013 (Akta 757); dan

4. Selain itu, pihak pengurusan JMB/MC boleh memohon bantuan daripada Kerajaan Negeri atau Kerajaan Persekutuan berdasarkan pada syarat yang ditetapkan. Kerajaan Negeri menawarkan bantuan melalui Program Bantuan Tabung Penyelenggaraan Maksimum 80 Peratus Pulau Pinang (TPM80PP) bagi skim perumahan swasta yang layak. Manakala, Kerajaan Persekutuan juga turut menyediakan bantuan melalui Program Tabung Penyelenggaraan Perumahan Malaysia (TPPM) bagi penyelenggaraan rumah kos rendah swasta (harga belian asal RM42,000) dan rumah kos sederhana rendah swasta (harga belian asal RM42,001 – RM80,000).

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(III)24

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB MUHAMAD BIN KASIM**

24. Pekan Balik Pulau telah menjadi tumpuan setiap musim perayaan dan musim buah-buahan, kekurangan parkir merupakan punca pelancong-pelancong agak kurang singgah di Pekan Balik Pulau. Nyatakan perancangan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) di dalam mengatasi masalah ini.

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

24. Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah menyediakan sebanyak 290 tempat letak kereta di kawasan Pekan Balik Pulau iaitu di Pasar Lama Balik Pulau dan Pasar Awam Balik Pulau. Selain itu, Kerajaan Negeri turut menyediakan sebanyak 170 tempat letak kereta bersebelahan Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Barat Daya bagi kegunaan awam.

Antara perancangan MBPP bagi menangani masalah kekurangan tempat letak kereta adalah seperti berikut:

- (a) Melaksanakan sistem jalan sehala bagi menambah bilangan petak letak kenderaan;
- (b) Menyediakan tempat letak kenderaan di jalan-jalan yang baharu dibina oleh pihak pemaju; dan
- (c) Memasang sensor di dalam petak letak kereta yang berfungsi melalui aplikasi Penang Smart Parking (PSP) supaya orang ramai dapat mengetahui petak-petak letak kereta yang masih kosong melalui aplikasi tersebut.

Di samping itu, orang ramai turut disarankan menggunakan pengangkutan awam sebagai alternatif bagi meminimumkan jumlah kenderaan di atas jalan raya.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(III)25

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB MUHAMAD BIN KASIM**

25. Apakah MBPP mempunyai perancangan untuk mengekalkan kampung tradisi di Balik Pulau sebagai kampung warisan yang boleh diletakkan di bawah UNESCO sebagai kampung yang dipelihara untuk tatapan generasi akan datang khususnya di Pulau Pinang?

**YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

25. Untuk menjadikan kampung tradisi di Balik Pulau sebagai kampung warisan di bawah pengiktirafan The United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO), satu kajian yang lebih terperinci perlu dilakukan dengan bantuan agensi berkaitan bagi mengenal pasti ciri-ciri dan kriteria-kriteria kampung tradisi mengikut spesifikasi UNESCO.

Berdasarkan kepada Inventori Bangunan Warisan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), terdapat beberapa buah rumah kedai, monumen, pejabat daerah, sekolah, gereja dan kuil yang terletak di Balik Pulau telah dikenal pasti sebagai bangunan warisan yang perlu dipelihara dan dikekalkan seperti asal bagi mematuhi Peraturan Untuk Kawasan Pemuliharaan Dan Bangunan-Bangunan Warisan MBPP.

PLANMalaysia Pulau Pinang juga telah membangunkan Sistem Ciri-Ciri Spatial Desa Malaysia/*Spatial Characteristics of Rural Malaysia System* (S-CHARMs) iaitu satu sistem pangkalan data dan analisis spatial maklumat geografi (GIS) desa yang komprehensif.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(III)26

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB MUHAMAD BIN KASIM**

26. Terdapat kawasan perumahan dan rumah kedai yang usang dan mencacatkan pandangan di tengah Pekan Telok Bahang dan Pekan Balik Pulau. Apakah tindakan MBPP bagi menyelesaikan perkara ini?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

26. Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) memandang serius bagi permasalahan kawasan perumahan dan rumah kedai yang usang dan mencacatkan pandangan di tengah pekan Telok Bahang dan pekan Balik Pulau. Justeru, pihak MBPP telah mengemukakan permohonan peruntukan kepada Kerajaan Persekutuan bagi penyediaan Rancangan Kawasan Khas (RKK) Telok Bahang. Penyediaan RKK ini adalah bertujuan untuk memajukan semula, memperelokkan lagi, memudah cara atau juga untuk tujuan pengurusan sesebuah kawasan. Dalam konteks ini, MBPP akan bekerjasama rapat dengan Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Pulau Pinang (PLANMalaysia@PulauPinang).

Selain itu, MBPP juga telah mengambil tindakan segera bagi menangani isu ini dengan mengeluarkan notis kepada pemunya bangunan usang di bawah Seksyen 82, Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) dan disusuli dengan pemasangan *hoarding* di sekeliling kawasan premis berkenaan bagi mengelakkan kacau ganggu atau sebarang aktiviti yang tidak diingini berlaku.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(III)27

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB MUHAMAD BIN KASIM**

27. Terdapat hanya dua dewan orang ramai di bawah MBPP, manakala yang lainnya adalah dimiliki oleh pihak swasta dan difahamkan tempahan untuk dewan tersebut perlu dibuat satu tahun lebih awal. Adakah pihak MBPP mempunyai sebarang perancangan untuk menambah bilangan dewan orang ramai ini?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

27. Tempahan dewan milik Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) boleh dibuat dalam tempoh 12 bulan dari cadangan tarikh penggunaan bagi sebarang aktiviti yang dibenarkan, tertakluk pada polisi sedia ada.

Setakat ini, terdapat satu (1) cadangan pembinaan dewan satu (1) tingkat yang akan dibina secara *Corporate Social Responsibility* (CSR) oleh pemaju Tetuan Sunway Tunas Sdn. Bhd. di kawasan Bayan Baru. Projek ini adalah di bawah peruntukan dan seliaan pihak Sunway Tunas Sdn. Bhd. dan akan diserahkan kepada pihak MBPP apabila siap kelak.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(III)28

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB MUHAMAD BIN KASIM**

28. Pada tahun ini bilangan penerima saguhati Zakat Pulau Pinang telah diperkecilkan. Nyatakan jumlah peruntukan yang dikecilkan berbanding jumlah permohonan dari segi peratus.

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

28. Zakat Pulau Pinang (ZPP) memaklumkan peruntukan dan jumlah zakat yang diagihkan setiap tahun semakin meningkat saban tahun. Sebagai perbandingan pada tahun **2022** nilai agihan adalah berjumlah **RM127,033,732.20** diagihkan kepada **35,657 penerima** manakala pada tahun **2023** nilai agihan berjumlah **RM147,406,995.09** diagihkan kepada **43,354** penerima. Perinciannya seperti di **LAMPIRAN A**. Dakwaan yang menyatakan penerima saguhati dan peruntukan dikecilkan adalah tidak benar sama sekali. Hal ini kerana setiap tahun peruntukan dan jumlah agihan semakin tinggi kepada penerima dengan jumlah agihan yang lebih besar.

PERBANDINGAN AGIHAN ZAKAT NEGERI PULAU PINANG TAHUN 2022 DAN TAHUN 2023

PERKARA	2023		2022		%	
	Agihan	Penerima	Agihan	Penerima	RM	Penerima
Fakir	14,251,101.99	4,867	9,264,303.61	3,639	53.83%	33.75%
Miskin	50,739,570.08	24,018	35,659,990.63	21,864	42.29%	9.85%
Amil	14,941,495.77	240	14,428,201.97	238	0.00%	0.00%
Muallaf	3,212,725.00	1	1,600,000.00	1	0.00%	0.00%
Ghorimin	5,952,855.88	762	3,802,833.72	532	56.54%	43.23%
Ibnu Sabil	204,000.00	97	185,020.00	67	10.26%	44.78%
Fisabilillah	58,007,902.37	13,364	62,017,982.27	9,313	-6.47%	43.50%
Ar-Riqab	97,344.00	5	75,400.00	3		
Jumlah Keseluruhan	147,406,995.09	43,354	127,033,732.20	35,657	16.04%	21.59%

AGIHAN KESELURUHAN

PERKARA	2023		2022	
	RM	PENERIMA	RM	PENERIMA
Agihan semasa	147,406,995.09	43,354	127,033,732.20	35,657
Tawaqquf	25,983,491.84	13	23,802,672.49	4583
Jumlah	173,390,486.93	43,367	150,836,404.69	40,240
Upah Amil Disember 2022			4,342,290.12	
			155,178,694.81	

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(III)29

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB MUHAMAD BIN KASIM**

29. Berapakah jumlah keluasan tanah wakaf yang terdapat di kawasan Timur Laut dan Barat Daya?

(a) Bagaimanakah ianya dimanfaatkan kepada orang ramai?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

29. Maklumat tanah wakaf di Daerah Timur Laut dan Barat Daya adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	JUMLAH LOT	JUMLAH KELUASAN (EKAR)
1	Timur Laut	293	143.38
2	Barat Daya	245	209.23

(a) Masyarakat Islam di Daerah Timur Laut (DTL) Dan Daerah Barat Daya (DBD) mendapat manfaat daripada tanah-tanah wakaf ini melalui pembangunan masjid, surau, tanah perkuburan dan sekolah agama. Selain itu terdapat bangunan komersil dan rumah kediaman yang disewakan bagi menjana hasil sewaan untuk dimanfaatkan selaras dengan amanah pewakaf. Antara projek wakaf di Daerah Timur Laut dan Barat Daya adalah:

(i) Pembangunan tanah wakaf Siti Binti Abdul Rahman di atas Lot 1093 & 1094, Mukim 12, Sungai Nibong, DBD bagi pembinaan 77 unit pangsapuri 14 tingkat;

- (ii) Blok pentadbiran, perpustakaan, bilik kelas, asrama lelaki/perempuan, dewan makan dan loji rawatan kumbahan di Lot 247 (Maahad Al-Mashoor Al-Islami), Jalan Sungai Nipah, Mukim G, Balik Pulau, DBD; dan
- (iii) Pangsapuri Wakaf Khan Mohamed, Jalan Perak, Pulau Pinang, DTL yang melibatkan 1 Blok Pangsapuri 32 unit.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(A)(III)30

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB MUHAMAD BIN KASIM**

30. Senaraikan rumah warga emas dan rumah kebajikan yang terdapat di DUN N.40 Telok Bahang.
- (a) Berapakah yang dibiayai oleh pihak kerajaan dan dibiayai swasta?

**YB LIM SIEW KHIM MENJAWAB
BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

30. Berdasarkan semakan rekod Jabatan Kebajikan Masyarakat mendapati tiada rumah warga emas dan rumah kebajikan yang berdaftar di DUN N.40 Telok Bahang.
- (a) Tiada